

## ABSTRAK

Kajian ini dari segi makronya bertujuan mengkaji bidang komunikasi yang berteraskan pendekatan linguistik terapan dan dari segi mikronya bertujuan mengkaji dalam bidang retorik sebagai subbidang linguistik yang amat rapat dengan bidang komunikasi. Bidang kewartawanan dipilih sebagai fokus kajian untuk memerikan perkembangan retorik penulisan kewartawanan sebagai media komunikasi massa dalam bahasa Melayu di Malaysia. Akhbar yang dipilih sebagai data kajian ialah *Berita Harian*, sejak permulaan terbitnya pada bulan Julai 1957 hingga tahun 1999.

Kajian retorik penulisan kewartawanan Melayu dilaksanakan dengan berasaskan model yang diubahsuaikan daripada Model Bell (1991) dan model yang dirangka oleh mengkaji sendiri. Model itu mengenal pasti tiga aras keberkesanan retorik dalam penulisan kewartawanan, iaitu aras kata, aras ayat dan aras wacana. Pada aras wacana, pendulu berita dijadikan aras analisis atas prinsip pendulu berita merupakan bahagian terpenting binaan berita.

Kajian yang diasaskan pada aras-aras analisis yang melengkapinya hierarki retorik dan linguistik, iaitu bermula dengan analisis pada aras leksikal dan berkembang dengan analisis pada aras sintaksis, dan akhirnya pada aras wacana menghasilkan dapatan kajian. Analisis sampel sepanjang 43 tahun akhbar yang dikaji itu terbit menunjukkan bahawa dunia kewartawanan Melayu telah mempunyai tapak yang kukuh dan mantap dalam pembinaan retoriknya, iaitu dari sudut medium penyampaiannya. Kajian ini juga, berusaha mengisi ruang kekosongan kajian tentang aspek retorik kewartawanan Melayu di Malaysia, sekali

gus melengkapi beberapa kajian terdahulu yang kebanyakannya memerikan tema serta isu kewartawanan Melayu, melalui usaha pemerian aspek mediumnya, iaitu retorik penulisan kewartawanan Melayu.

## ABSTRACT

This study, from its macro point of view, is done to study communication as a discipline which is based on applied linguistic approach and from a micro point of view, is to study rhetoric as a subdiscipline of linguistics, a field that at the same time is very close with communication. Journalism has been chosen as the focus of study, whose main objective is to describe the development of rhetoric of Malay journalism as a medium of mass communication in Malaysia. A Malay daily, that is *Berita Harian*, right from its inception up to 1999 has been selected as the corpus for analysis.

This study on the rhetoric of Malay journalism is carried out based on Bell Model (1991) with some modification and a model designed by the researcher. The model identifies three levels of rhetoric, that is lexical, syntactical and discourse levels. At the discourse level, the lead is taken as the focus, considering the fact that the lead is the most important part of a news.

This study which covers all levels of linguistic and rhetoric hierarchies, namely lexical level, syntactical level and finally discourse level gives interesting and important results. The analysis of the sample throughout 43 years of *Berita Harian* publication shows that Malay journalism has reached the standard of journalistic rhetoric as being practised in other parts of the world. This study is complementary to previous researches which analyzed the contents of selected dailies pertaining to certain issues or themes, in the sense that this study focusses on the medium, that is the rhetoric of Malay journalism.